

Merana rindu kekasih

Soalan

SUDAH lama saya ingin menulis untuk mendapatkan pandangan dan nasihat.

Saya berusia awal 20-an dan sepatutnya berkahwin dalam masa terdekat ini. Namun, pasangan saya berubah hati secara tiba-tiba. Saya akui ia salah dan silap saya atas beberapa sebab antaranya:

1. Pada awal perkenalan kami, saya susah untuk mempercayai kesetiannya dan meragui cintanya. Saya bersikap dominan dan tidak boleh terima jika dia keluar menonton wayang dengan rakan lelaki lain biarpun dia adalah kenalan baiknya.

2. Gurauan saya membuatkan dia terasa seperti jika diberi pilihan, awak nak bersama

saya atau lelaki lain hingga menyebabkan kami sering bergaduh. Saya tidak bermaksud menyakiti hatinya, cuma mahu dapatkan sedikit perhatian.

3. Saya ada berkongsi satu artikel mengenai 'rahsia kebahagiaan rumah tangga' iaitu hindari orang ketiga, bawa berbincang apabila ada kesangsian, elak bergaduh di hadapan anak-anak dan kenang saat romantis bersama.

Dia kini menjauhkan diri daripada saya biarpun saya cuba menghubunginya melalui telefon mahupun pesanan ringkas. Dia memang tidak mempedulikan saya walaupun saya pernah datang ke tempat kerjanya dan merayu.

Saya kesal dan malu kerana sebelum ini kami dilihat mesra, namun sekarang saya bagaikan

Teman wanita jauhkan diri kecewa sikap negatif pasangan

sudah tidak mempunyai maruah dan harga diri merayu padanya. Keluarga dia sekarang juga sudah enggan masuk campur.

Dua minggu lalu, dia berjumpa keluarga saya dan meluahkan rasa tidak suka sikap saya. Sesungguhnya dia kecewa.

Tujuan saya meluahkan masalah ini bukanlah mahu membuka aib tapi mendapatkan panduan bagaimana mahu memujuk kembali teman wanita. Saya hampir tidak waras merindunya.

Saya juga ada berjumpa seorang ustaz yang menasihatkan saya menjauhkan diri buat sementara waktu, malah turut memberitahu bakal isteri terkena santau yang dihantar lelaki yang turut meminatinya. Tujuan santau

itu supaya dia membenci saya.

Apa yang harus saya lakukan. Saya kini hilang segalanya termasuk pekerjaan.

LELAKI LARA,
Pulau Pinang

Jawapan

DR sedih membaca konflik cinta adik. Beginilah cinta, deritanya tiada akhir. Ia ibarat api, jika dijaga dengan indah, cinta akan menghangatkan, namun jika disiram dengan cemburu, cinta akan membakar diri. Dr empati dengan rasa kehilangan cinta adik kerana cinta adalah penderitaan terindah yang paling dicari manusia.

Apabila gagal memiliki hati kekasih, Dr memahami perasaan adik kerana cinta juga tidak memiliki apapun yang ingin di dapatkan, tapi cinta memiliki semua yang ingin diberikan. Tiada peliknya mengenal cinta kerana cinta itu tidak pernah diajar di sekolah, malah Dr juga tidak berasa haliran apabila adik katakana berasa hampr tidak waras sebab jatuh cinta kerana cinta itu sungguh mengerikan.

Adik mengaku semua itu kerana salah dan silap adik apabila pasangan berubah fikiran mengenal perkahwinan. Adik mengaku sifat tidak percaya dan dominan terhadap kekasih punca kepada perubahan hatinya. Gurauan cinta yang tidak kena pada masa boleh saja membunuh, apatah lagi apabila ia bersifat perlu membuat pilihan.

Namun Dr faham, apabila bercinta, banyak tembok dibina. Berasa tidak percaya, rasa cemburu dan ragu-ragu adalah tembok cinta yang sering dibina kononnya atas nama sayang, kasih atau cinta.

Apa yang sering berlaku ialah tembok cinta ini akan menjarakkan kasih yang dibina. Adik terperangkap dengan malnan psikologi sendiri hingga timbul rasa tidak percaya atas kesetiaan kekasih. Permainan psikologi adik ini menjerat



GAMBAR HIASAN...pasangan bahagia.

diri hingga kekasih ingin keluar daripada hubungan ini. Adik pula menghukum diri dengan berasa bersalah atas segala apa yang berlaku. Itulah cinta.

Walaupun adik berhak berasa bersalah, perbuatan ini hanya menghukum diri. Bebaskan diri daripada sifat bersalah itu. Muhasabah diri. Menangislah jika perlu tapi maafkan diri. Belajar daripada kesilapan dan teruskan kehidupan untuk maju. Belajar untuk tidak bersikap dominan dan mengawal orang lain. Beri ruang dan peluang kepada diri sendiri untuk jadi orang yang lebih baik terhadap orang dicintai. Bicarakan mata menyirami benih kebahagiaan pada masa hadapan. Jika adik memaafkan diri dan menjadi orang yang lebih baik, adik boleh mencari apa yang hilang. Bina kekuatan untuk mencari pekerjaan dan memenangi semula hati kekasih.

Tiada apa yang pelik mengenai cinta. Bukan adik yang kekasih tidak suka, tapi sikap tidak mempercayai, dominan serta suka bercerita kisah cinta kepada orang lain yang dibenci kekasih. Rasa cinta kekasih pada adik masih wujud. Sebab itu dia mengatakan pada kakak adik dia masih suka kepada adik. Sikap dominan dan cemburu sering kali membuat orang lain berasa rimas. Berilah ruang kepercayaan untuk kekasih menjadi dirinya sendiri.

Mesej cinta yang adik ingin sampaikan juga berbeza. Jika sayang dan cinta, mengapa

tidak menghubungi kekasih walaupun amat merindui? Cinta itu jika tidak diluahkan hanya akan tinggal debu dan akan menjadi layu.

Dr tidak pasti mengenai santau yang adik maksudkan. Tapi jika adik benar-benar sayangkan kekasih, terima dirinya seadanya dan bersifat jujur dalam perhubungan. Bukan untuk menunjukkan kekuasaan atau rasa cemburu dan dominan tetapi mencintainya kerana keikhlasan cinta.

Cinta itu ibarat menggenggam sekuntum mawar, semakin keras digenggam semakin duri menusuk tajam, namun semakin lembut dipegang, semakin mudah sang mawar terbang terbawa angin. Berusaha semampu mungkin untuk memegang lembut kekasih adik.

Cinta tiada paksaan, Apabila ia tidak menyapa, tiada siapa boleh memaksanya. Apabila adik sudah melakukan segala-galanya tapi masih lagi tidak bersahut panggilan cinta itu, dekanlah kebahagiaan kekasih dan lepaskan dia pergi. Ini kerana jika kita mencintai seseorang, kita akan sentiasa mendoakannya walaupun dia tidak berada di sisi kita.

Perjalanan terindah hari ini hanya boleh bermula apabila kita belajar untuk melepaskan hari semalam. Duka akan meninggalkan kita apabila kita melepaskannya. Apapun, Dr sentiasa doakan agar cinta kalian berdua mekar hingga ke jenjang pelamin dan berterusan hingga ke akhir hayat.